Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 4, e002247
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2247

Pemahaman Konsep, Kepentingan dan Permasalahan dalam Pelaksanaan *Community Policing* Menurut Perspektif PDRM Kontinjen Kuala Lumpur

(Understanding the Concept, Importance and Problems in the Implementation of Community Policing from to the Perspective of the Royal Malaysia Police (RMP) in Kuala Lumpur)

Mohd Shahrizal Azhari[1*], Asmadi Hassan[2], Alias Abdullah[3]

[1]Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: moshaz02@yahoo.com
[2]Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: madisan@um.edu.my
[3]Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: dralias@um.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Shahrizal Azhari
(moshaz02@yahoo.com)

KATA KUNCI:
Community Policing
Konteks
Relevan

KEYWORDS:
Community Policing
Context
Relevant

CITATION:
Mohd Shahrizal Azhari, Asmadi Hassan & Alias Abdullah. (2023). Pemahaman Konsep, Kepentingan dan Permasalahan dalam Pelaksanaan *Community Policing* Menurut Perspektif PDRM Kontinjen Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(4), e002247. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2247

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pemahaman konsep, kepentingan dan permasalahan dalam pelaksanaan *Community Policing* dari sudut pandangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur berdasarkan salah satu Model Penilaian Stufflebeam iaitu Penilaian Konteks. Terdapat tiga elemen yang dikaji menerusi penilaian konteks; (1) pemahaman konsep dan objektif *Community Policing*, (2) kepentingan dalam pelaksanaan *Community Policing* dan (3) permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan *Community Policing*. Seramai 487 orang responden terdiri daripada Pegawai Kanan Polis (PKP) dan Pegawai Rendah Polis (PRP) mengikut daerah dan kontinjen dalam pentadbiran PDRM Kontinjen Kuala Lumpur telah dipilih secara rawak strata sebagai sampel kajian dengan menjawab borang soal selidik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman konsep dan objektif *Community Policing* adalah tinggi (min=4.02, sp=0.69). Kepentingan dalam pelaksanaan *Community Policing* juga adalah tinggi (min=3.99, sp=0.77). Manakala permasalahan dalam pelaksanaan *Community Policing* juga adalah tinggi (min=3.96, sp=0.74). Secara keseluruhannya, warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur memahami konsep, kepentingan dan permasalahan dalam pelaksanaan *Community Policing* (min=3.99, sp=0.61). Kajian ini membuktikan bahawa *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur adalah berkesan, masih relevan dan perlu diteruskan agar konsep kebersamaan antara PDRM dengan masyarakat menjadi satu budaya dalam sistem kepolisan di samping terus

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

membantu PDRM dalam mengurangkan kadar jenayah.

ABSTRACT

The objective of the study was to assess the level of understanding of the concept, importance and problems in the implementation of community policing from the point of view of the Royal Malaysia Police (RMP) Kuala Lumpur based on one of the Stufflebeam Evaluation Models, namely context evaluation. There are three constructs that are studied through context evaluation; (1) understanding the concept and objectives of community policing, (2) the importance of the implementation of community policing and (3) the problems faced in the implementation of community policing. A total of 487 respondents, consisting of senior police officers (SPOs) and junior police officers (JPOs) of the Royal Malaysia Police (RMP) in Kuala Lumpur were randomly selected by strata as a study sample by answering a questionnaire. The study's findings indicate that the concept and objectives of community policing are well understood (mean=4.02, sp=0.69). The importance of the implementation of community policing is also high (mean=3.99, sp=0.77). While the problems in the implementation of community policing are also high (min=3.96, sp=0.74). Based on the result, members of the RMP Kuala Lumpur understand the concept, importance and problems in the implementation of community policing (mean=3.99, sp=0.61). This study proves that community policing in the Kuala Lumpur is effective, still relevant and needs continuation in order to ensure the concept of togetherness between the RMP and the community becomes a culture in the policing system and continues to assist RMP in reducing crime rates.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa pelaksanaan *Community Policing* oleh PDRM masih relevan dan perlu dipergiatkan agar hubungan masyarakat dengan pihak polis bertambah erat di samping dapat menurunkan kadar jenayah. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa melalui Model Stufflbeam, *Community Policing* dapat dilakukan dengan berkesan.

1. Pengenalan

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia kini menikmati pembangunan ekonomi, politik dan sosial yang membanggakan. Namun, tidak dinafikan berlaku ketidakseimbangan dalam pembangunan tersebut yang menjadi salah satu faktor mempengaruhi berlakunya kejadian jenayah di negara ini. Oleh yang demikian, strategi yang proaktif perlu dirangka oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memastikan jenayah dapat dibendung dengan memperkasakan program pencegahan jenayah.

Eldefonso (1983) menegaskan bahawa pencegahan jenayah adalah tindakan seseorang atau agensi penguatkuasaan yang dilakukan sebelum sesuatu jenayah berlaku bertujuan untuk mencegah perbuatan jenayah. Crowe (2000) pula menegaskan bahawa pencegahan jenayah adalah satu tindakan yang diterjemahkan melalui perancangan yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

bersistematik dan berkesan dalam mewujudkan persekitaran yang berkualiti iaitu dapat mengurangkan rasa takut berlakunya jenayah seterusnya mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Perkara ini sejajar dengan kajian Lab (2007) menegaskan bahawa pencegahan jenayah adalah suatu usaha dan tindakan yang disusun secara sistematik bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah di samping mengurangkan rasa takut masyarakat terhadap jenayah.

Wan Nurul dan Muhamad Sayuti (2021) mendapati bahawa usaha untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap PDRM adalah dengan melaksanakan program pencegahan jenayah yang dilakukan secara berterusan. Salah satu usaha dalam pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh PDRM dikenali sebagai *Community Policing.*

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) istilah *Community Policing* adalah pengawasan masyarakat atau pengawasan komuniti (Zaiton, 2016). Skolnick dan Bayley (1988) mendefinisikan *Community Policing* sebagai strategi kebersamaan antara pihak polis dan masyarakat. Perkara ini bermaksud gabungan antara dua pihak memberikan kesan yang lebih baik dalam isu keselamatan dan tidak meletakkan hal ini di bawah kendalian pihak polis sahaja. Friedmann (1992) mendefinisikan *Community Policing* sebagai satu dasar kerajaan. Dasar yang dimaksudkan ialah penumpuan untuk mencapai kawalan jenayah yang lebih berkesan dan cekap, mengurangkan perasaan takut ketika berhadapan dengan tindakan penjenayah, meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik dan memperkasakan perkhidmatan polis agar pasukan polis terus dihormati. Merrit dan Dingwall (2010) mendefinisikan *Community Policing* sebagai pendekatan yang menjadi pusat penyelesaian masalah melalui perkongsian maklumat. Tiga ciri yang boleh dikenalpasti iaitu perkongsian maklumat antara pihak polis dan masyarakat, cara pendekatan yang digunakan dalam penyelesaian masalah dan pengagihan kuasa dalam organisasi.

Berdasarkan daripada kepelbagaian definisi di atas, pengkaji mendapati bahawa *Community Policing* adalah satu konsep perkhidmatan yang melibatkan kerjasama antara pihak polis dan masyarakat dalam memastikan keselamatan nyawa, harta benda dan keadaan sekeliling adalah terkawal agar dapat menjalani kehidupan seharian secara aman dan harmoni.

1.1. Pernyataan Masalah

Usaha membendung jenayah dengan melaksanakan *Community Policing* di Kuala Lumpur disifatkan berjaya jika dinilai berdasarkan statistik jenayah indeks bermula tahun 2008 hingga 2020. Statistik menunjukkan angka penurunan pada setiap tahun seperti di Jadual 1 dan menjadikan sebagai indikator kejayaan program ini.

Namun, timbul persoalan adakah pelaksanaan *Community Policing* di Kuala Lumpur benar-benar berkesan sehingga mendorong kadar jenayah indeks menurun? Persoalan ini timbul kerana laporan daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) mendapati bahawa sepanjang tahun 2011 hingga 2020 sebanyak 3,443 aduan salah laku melibatkan PDRM yang mana aduan tertinggi direkodkan berbanding agensi penguat kuasa lain (Portal Rasmi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, 2022).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 4, e002247
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2247

Jadual 1: Statistik Jenayah Indeks Kontinjen Kuala Lumpur Tahun 2008 hingga 2020

KESALAHAN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jenayah Kekerasan :													
Bunuh	55	64	61	33	46	58	43	35	41	37	33	22	25
Rogol	186	153	161	145	138	143	139	123	93	132	112	122	88
Samun Berkawan Bers/Api	24	127	100	15	17	14	22	16	13	4	3	0	0
Samun Berkawan Tanpa Bers/Api	4,661	6,156	3,931	4,238	4,287	4,589	3,217	2,115	2,272	1,984	1344	1,173	783
Samun Bersenjatapi	4	35	21	9	3	8	9	6	4	0	1	2	2
Samun Tanpa S/Api	896	942	933	1,211	1,049	1,224	831	652	710	1,191	1124	1,090	672
Mencederakan	562	772	969	741	749	744	690	725	643	651	520	505	378
Jumlah	6,388	8,249	6,176	6,392	6,289	6,780	4,951	3,672	3,776	3,999	3137	2,914	1,948
Jenayah Hartabenda :													
Curi	4,803	7,510	6,186	4,497	3,910	3,391	3,133	2,995	3,595	3,121	3118	2,729	2,057
Curi Motokar	3,178	3,138	3,482	3,326	3,359	3,281	2,481	2,229	2,104	1,548	1482	1,423	1,000
Curi Motosikal	7,285	6,286	5,319	5,692	5,693	5,459	4,469	4,015	3,864	3,328	3030	2,763	2,200
Curi Van /Lori /J'berat	813	726	753	664	549	688	548	524	495	291	253	254	147
Curi Ragut	2,181	3,341	1,897	951	384	214	593	604	1,288	7	3	2	0
Pecah Rumah Dan Curi	3,790	4,531	4,682	3,480	2,838	2,506	2,118	1,907	1,867	1,188	1104	1,087	949
Jumlah	22,050	25,532	22,319	18,610	16,733	15,539	13,342	12,274	13,213	9,483	8,990	8,258	6,353
Jumlah Jenayah Indeks	28,438	33,781	28,495	25,002	23,022	22,319	18,293	15,946	16,989	13,482	12,127	11,172	8,301

Sumber: Statistik Jenayah Indeks Malaysia (2022)

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 4, e002247
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2247

Cheurprakobkit (2002) mendapati bahawa kurangnya pemahaman berkenaan *Community Policing* adalah disebabkan masalah dalaman organisasi yang melibatkan proses pengurusan yang lemah daripada pemimpin dan pegawainya. Ada dalam kalangan Pegawai Kanan Polis (PKP) dan Pegawai Rendah Polis (PRP) terutamanya yang masih baru berkhidmat dalam PDRM kurang jelas mengenai konsep *Community Policing.* Perkara ini disebabkan kurangnya pendedahan maklumat, komitmen dan keinginan untuk melibatkan diri dalam program-program pencegahan jenayah yang turut disertai oleh masyarakat setempat (Zaini Jass, temu bual, Oktober 8, 2021).

Sesuatu aktiviti atau program berbentuk kemasyarakatan tidak dapat dilaksanakan sekiranya tiada persediaan yang rapi dari sudut sumber manusia, sumber maklumat, sumber kewangan dan sebagainya (Sanusi, temu bual, September 24, 2020). Begitu juga dengan kemudahan logistik yang tidak lengkap seperti jumlah dan kondisi kenderaan pasukan, peralatan dalam siasatan dan ruangan pejabat yang terhad. Kekurangan jumlah PKP dan PRP di satu-satu tempat berpotensi menyebabkan ada dalam kalangan mereka melaksanakan pelbagai tugasan secara serentak yang boleh mengakibatkan hasil kerja yang tidak berkualiti dan memberi kesan kepada keterampilan dan personaliti mereka (Sanusi, temu bual, September 24, 2020).

Warga PDRM perlu mengubah minda dan cara bekerja kepada budaya kerja kelas pertama berasaskan pemikiran di luar kotak dan harus melakukan perubahan asas dalam strategi dan juga pemikiran (Asmawati, 2015). Kejayaan dalam sesuatu strategi yang dirancangkan adalah bergantung kepada keupayaan pihak atasan untuk menyelia, mengawal dan meletakkan kumpulan sasar yang memahami peranan mereka supaya objektif program dapat dicapai. Struktur pengurusan dalam organisasi polis perlu diperkuat kerana pelaksanaan *Community Policing* bukan sahaja melibatkan masyarakat, tetapi secara tidak langsung dapat memperkasakan PKP dan PRP supaya lebih berinovasi, berdisiplin dan bermotivasi dalam pasukan (Rosly, temu bual, September 24, 2020).

1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan *Community Policing* dari perspektif warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur. Beberapa perkara yang dikaji berasaskan kepada Model Penilaian Stufflebeam menerusi penilaian konteks adalah mengukur tahap pemahaman konsep *Community Policing* dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur. Penilaian konteks membincangkan berkenaan pemahaman konsep dan objektif *Community Policing*, kepentingan pelaksanaan *Community Policing* dan permasalahan dalam melaksanakan *Community Policing*.

Berdasarkan Model Penilaian Stufflebeam yang digunakan dalam kajian, maka kerangka konseptual yang dibina oleh pengkaji dapat dirujuk dalam Rajah 1. Model ini mengandungi empat komponen iaitu konteks, input, proses dan produk.

Model dalam Rajah 1 menunjukkan bahawa *Community Policing* adalah sebagai komponen terpenting iaitu pemboleh ubah bersandar. Manakala penilaian konteks, input, proses dan produk adalah pemboleh ubah bebas. Oleh yang demikian, setiap

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penilaian (konteks, input, proses, produk) perlu dinilai tahap keberkesanannya secara menyeluruh yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan pelaksanaan *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, artikel ini memfokuskan kepada penilaian konteks sahaja.

Rajah 1: Rangka Kerja Keberkesanan Pelaksanaan *Community Policing*

2. Sorotan Literatur

Greene (2000) dalam artikel bertajuk *Community Policing in America: Changing the Nature, Structure, and Function of the Police* menganalisa bagaimana usaha sama antara pihak polis dengan masyarakat di Amerika Syarikat dapat meningkatkan tahap keberkesanan peranan polis dalam pasukan, malahan dapat merapatkan hubungan dalam kalangan mereka. Yumin (2006) dalam artikel bertajuk *Does Community Policing Motivate Officers at Work and How*? telah menjalankan kajian ke atas sikap pegawai polis di Jabatan Polis Taipei. Yumin (2006) menegaskan bahawa *Community Policing* dapat membentuk strategi kerja yang hebat dalam pasukan polis kerana pegawai dan anggota polis menjalankan tugas tanpa tekanan daripada mana-mana pihak sehingga menghasilkan suasana kerja yang harmoni.

Melissa (2008) dalam artikel bertajuk *Understanding Community Policing as an Innovation: Patterns of Adoption* mengkaji corak pelaksanaan *Community Policing* ke atas 474 jabatan polis di seluruh Amerika Syarikat dengan mengukur sejauh mana ciri-ciri masyarakat, permasalahan dan komitmen organisasi dapat menjelaskan tahap penerimaan *Community Policing* dalam kalangan pihak polis. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan inovasi dalam pentadbiran jabatan polis dan pemikiran pegawai dan anggotanya perlu diterapkan dalam pelaksanaan *Community Policing* kerana banyak perkara yang boleh ditambahbaik untuk masa depan jabatan polis di Amerika Syarikat.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lain jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan *Community Policing* adalah bertepatan mengikut peredaran masa. Persefahaman konsep dan kebersamaan dalam kalangan pihak polis dilihat kian berkembang dalam usaha untuk meningkatkan tahap kepercayaan dan kepuasan perkhidmatan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, masih terdapat

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kelompongan kajian yang dijalankan oleh pengkaji lain yang perlu ditambah baik oleh pengkaji.

3. Metod Kajian

Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian tinjauan deskriptif. Pemilihan kajian tinjauan deskriptif adalah bersesuaian kerana pelaksanaan *Community Policing* di lapangan melibatkan pihak polis dan masyarakat meskipun kajian ini memfokuskan dalam kalangan pihak polis sahaja. Selain itu, pengkaji juga menjalankan sesi temu bual dengan beberapa orang PKP yang masih berkhidmat dan yang telah bersara bertujuan untuk menyokong sesuatu kenyataan mengenai pelaksanaan *Community Policing* sama ada pendapat, pencerahan dan pengalaman mereka.

Data primer diperoleh melalui pengagihan set borang kaji selidik oleh pengkaji kepada responden. Soalan-soalan kaji selidik dirangka berdasarkan kepada ulasan karya pengkaji terdahulu. Selain itu, pengkaji membuat rujukan beberapa arahan pentadbiran Ketua Polis Negara (KPN), buku-buku ilmiah dan contoh soal selidik daripada pengkaji lain serta ditambah baik mengikut perubahan semasa. Data sekunder dikumpul menerusi bacaan daripada kajian pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara, artikel-artikel, jurnal-jurnal, akhbar tempatan, buku-buku perundangan, majalah dan lain-lain.

3.1. Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di semua daerah di bawah pentadbiran IPK Kuala Lumpur, terdiri daripada 6 buah daerah iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, IPD Sentul, IPD Brickfield, IPD Cheras, IPD Wangsa Maju dan IPD Putrajaya.

3.2. Pemilihan Responden

Dalam pemilihan responden, pengkaji menggunakan *Stratified Sampling* atau Rawak Strata. Tujuan pengkaji menggunakan rawak strata kerana adalah sukar untuk mendapatkan maklum balas dan mengambil pendapat keseluruhan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur. Namun, sangat mudah dan menjimatkan masa dengan membuat beberapa kumpulan mengikut daerah-daerah dalam pentadbiran IPK Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan *Stratified Sampling* yang bersifat homogen kerana responden dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu:

i. PKP berpangkat Inspektor hingga Inspektor General
ii. PRP berpangkat Konstabel hingga Sub Inspektor

Tujuan pengkaji menetapkan responden kepada dua kumpulan kerana kumpulan PKP adalah dalam kalangan mereka yang mengetuai pelbagai penugasan di lapangan termasuk menjadi contoh dan bertindak sebagai suri teladan (*role model*) kepada kumpulan PRP. Manakala PRP pula adalah kumpulan sokongan atau penggerak dalam pelbagai penugasan di lapangan yang perlu dipantau dan semua tindakan perlu dilaporkan kepada ketua/penyelia. Rasional pembahagian kumpulan ini sebagai responden dalam kajian adalah kerana pengkaji ingin mengetahui sejauh manakah kerjasama yang diberikan oleh kedua-dua kumpulan ini sehingga menghasilkan *Community Policing* yang berkesan di Kontinjen Kuala Lumpur walaupun bidang tugas antara dua kumpulan ini adalah berbeza.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.3. Populasi dan Persampelan

Pengkaji menetapkan jumlah responden adalah seramai 460 orang terdiri daripada PKP dan PRP yang melibatkan semua daerah di Kontinjen Kuala Lumpur. Penetapan jumlah responden ini berdasarkan formula pengiraan sampel oleh Isaac dan Michael (1995) iaitu tingkat kesalahan 1%, 5% dan 10% dari setiap jumlah kumpulan responden. Jumlah sampel mengikut ralat 10% bagi 759 orang PKP ialah 200 orang dan bagi 7,676 orang PRP ialah 260 orang. Walau bagaimanapun, seramai 487 responden yang telah menjawab soal selidik ini.

3.4. Teknik Penganalisaan Data

Dalam proses menganalisa data kuantitatif, pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) *Version 26* untuk menganalisa data yang dikumpulkan daripada responden. Pengkaji menggunakan nilai pekali *Croanbach Alfa* untuk menilai tahap kebolehpercayaan item dan *Construct Validity* untuk menilai tahap kesahan instrumen dalam kajian rintis. Analisa peratusan dan kekerapan dilakukan terhadap pembolehubah demografi responden dan analisa min dan sisihan piawai juga diaplikasikan untuk mengetahui tahap pemahaman konsep *Community Policing* (penilaian konteks) dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur.

4. Hasil Kajian

Jadual 2 menunjukkan hasil kajian berkenaan penilaian konteks. Pemahaman konsep dan objektif *Community Policing* mencatatkan nilai tertinggi (min=4.02, sp=0.69). Diikuti kepentingan dalam melaksanakan *Community Policing* (min=3.99, sp=0.77). Seterusnya permasalahan dalam melaksanakan *Community Policing* (min=3.96, sp= 0.74). Namun, secara keseluruhannya, dapatan kajian berkenaan penilaian konteks menunjukkan pada tahap tinggi (min=3.99, sp=061). Interpretasi ini adalah berdasarkan tahap pengukuran skor min yang digunakan hasil pengubahsuaian Zulkifli (2012) seperti di Jadual 3.

Jadual 2: Keberkesanan *Community Policing* Melalui Penilaian Konteks

Penilaian	Konstruk	Min Keseluruhan	Sisihan Piawai	Interpretasi
Konteks	Pemahaman Konsep dan Objektif CP	4.02	0.69	Tinggi
	Kepentingan Melaksanakan CP	3.99	0.77	Tinggi
	Permasalahan Melaksanakan CP	3.96	0.74	Tinggi
	Keseluruhan	3.99	0.61	Tinggi

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi (Tahap)
1.00 hingga 2.49	Rendah dan tidak memuaskan atau tidak perlu
2.50 hingga 3.79	Sederhana dan agak memuaskan atau agak perlu
3.80 hingga 5.00	Tinggi dan sangat memuaskan atau sangat perlu

Sumber: Zulkifli (2012)

5. Perbincangan Kajian

Perbincangan dalam artikel ini adalah menjelaskan objektif kajian di mana pengkaji akan membincangkan setiap elemen dalam penilaian konteks berkenaan kelebihan dan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kekurangan *Community Policing* berdasarkan dapatan kajian. Seterusnya pengkaji membuat kesimpulan sama ada *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur perlu diteruskan, dipinda atau ditamatkan. Selain itu, pengkaji juga akan memberi cadangan untuk memperkasakan pelaksanaan *Community Policing*.

5.1. Tahap Pemahaman Konsep dan Objektif *Community Policing* dalam kalangan Warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur melalui Penilaian Konteks

Stufflebeam (1971) menegaskan bahawa penilaian konteks adalah garis panduan yang rasional untuk melaksanakan sesuatu program meliputi penetapan objektif, dasar yang menyokong visi dan misi program serta proses untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan program. Untuk menilai tahap pemahaman konsep dan objektif *Community Policing* dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur melalui penilaian konteks, pengkaji menghuraikan melalui tiga aspek iaitu pemahaman konsep dan objektif, kepentingan pelaksanaan dan permasalahan dalam pelaksanaan.

5.2. Pemahaman Konsep dan Objektif

Dapatan kajian dalam penilaian konteks menunjukkan bahawa tahap pemahaman konsep dan objektif *Community Policing* dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur berada pada tahap yang tinggi (min=4.02, sp=0.69). Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 438 orang (90%) warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mengatakan sangat setuju bahawa *Community Policing* adalah konsep atau program yang dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu keselamatan. Ini kerana berdasarkan intipati setiap program *Community Policing* yang dianjurkan oleh PDRM atau kerjasama dengan agensi lain adalah bertujuan untuk memberi peringatan, mendidik dan meningkatkan tahap pengetahuan masyarakat mengenai kes-kes jenayah yang berlaku. Pengkaji menegaskan bahawa dengan tahap kefahaman yang tinggi mengenai konsep *Community Policing* akan melahirkan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur yang sentiasa bersemangat dalam menjalankan tugas terutamanya melibatkan masyarakat. Hal ini secara langsung dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada PDRM.

Selain itu, perubahan dalam sistem pentadbiran PDRM yang menjurus kepada hubungan kerjasama dengan masyarakat melalui *Community Policing* difahami oleh warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur apabila pucuk pimpinan PDRM menetapkan objektif *Community Policing* yang jelas di bawah Arahan KPN, Bil. 70. Rujukan KPN 35/90 bertarikh 11 Mac 2008. Salah satu daripada objektif ialah melibatkan masyarakat dalam menangani masalah peningkatan jenayah dan persepsi kebimbangan masyarakat menangani jenayah. Arahan ini perlu dijadikan sebagai rujukan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan lagi tahap pemahaman warga PDRM dalam menjalankan tugas. Swanson et al. (2005) menegaskan apabila sesebuah organisasi menetapkan sesuatu objektif dan matlamat yang jelas, maka pelaksanaannya juga perlu dilakukan seiring berdasarkan struktur organisasi yang teratur dan matlamat yang ditetapkan. Perkara inilah yang menjadi ukuran tahap kejayaan sesebuah organisasi (Swanson et al., 2005).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat seramai 151 orang (31%) dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur yang kurang mengambil bahagian dalam memberikan pendapat dan idea ketika mesyuarat perancangan program dijalankan. Pengkaji mendapati perkara ini disebabkan oleh perjalanan atau pengisian program *Community Policing* pada kebiasaannya mengikut kepada agenda sama yang pernah dilakukan oleh daerah atau kontinjen itu sendiri.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tindakan ini bertujuan untuk menjimatkan penggunaan sumber manusia, masa dan kos. Hal ini secara langsung telah menutup peluang kepada PKP dan PRP untuk berkongsi idea yang baru dan bernas ketika proses perancangan program *Community Policing* diadakan. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa penglibatan secara aktif oleh semua pihak ketika mesyuarat perancangan program adalah perlu. Segala pendapat dan idea yang dilontarkan perlu diambil kira dalam memastikan progam yang dirancang berjalan dengan baik.

Namun, dapat dirumuskan bahawa warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur memahami konsep dan objektif *Community Policing* yang dilaksanakan. Mereka juga dapat memahami bahawa program/konsep ini dapat mendidik dan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai isu keselamatan diri, harta benda dan keadaan sekeliling.

5.3. Kepentingan Pelaksanaan *Community Policing*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepentingan pelaksanaan *Community Policing* berada pada tahap tinggi (min=3.99, sp=0.77). Perkara ini menunjukkan bahawa warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur menyedari kepentingan dan kelebihan yang diperoleh daripada program *Community Policing* terutamanya dalam mengukuhkan hubungan/kerjasama antara PDRM dengan masyarakat. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh DeNita (2017) pada tahun 2017 di mana pelaksanaan *Community Policing* telah mencapai matlamatnya apabila masyarakat di Bandar Richmond, Virgina, Amerika Syarikat mengambil langkah untuk mengetepikan sebarang usaha yang menghalang atau menyekat kerjasama masyarakat dengan pihak polis. Hubungan dingin antara pihak polis dan masyarakat setempat boleh mencetuskan interaksi negatif yang membawa kepada situasi di mana pihak polis beranggapan masyarakat adalah sebagai suspek, saksi atau mangsa (Bonner, 2015). Dapatan kajian juga menyokong kajian yang dilakukan oleh Turner (2015) pada tahun 2015 ke atas Jabatan Polis Cary, Carolina Utara, Amerika Syarikat di mana keberkesanan pelaksanaan *Community Policing* dinilai berdasarkan kepada tiga cara iaitu tindak balas yang diterima daripada masyarakat terhadap program yang dijalankan, perasaan selamat yang dirasai oleh masyarakat dan jumlah laporan polis terhadap kesalahan jenayah yang dilaporkan oleh masyarakat kepada pihak polis (Turner, 2015). Perkara ini adalah kesan daripada pelaksanaan program *Community Policing* yang berjaya dan menjadi tanggungjawab kepada ketua untuk berkongsi kejayaan ini kepada pegawai dan anggota bawahan.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini juga mendapati bahawa terdapat seramai 110 orang (22.6%) dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mengatakan pelaksanaan *Community Policing* bukan menjadi faktor yang mengubah cara kerja mereka untuk menjadi lebih proaktif. Pengkaji mendapati bahawa kumpulan ini bertindak proaktif bukan hanya melalui program *Community Policing* semata-mata. Bahkan melalui pelbagai program yang diperkenalkan oleh PDRM seperti *Go-To-Safety-Point* (GTSP), Amalan Hijau PDRM, Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan lain-lain. Selain itu, aktiviti-aktiviti kerohanian dan LDP yang dilaksanakan oleh PDRM juga secara tidak langsung memberi kesan kepada PKP dan PRP untuk bertindak dalam penyelesaian masalah dan proaktif dalam melaksanakan tugas.

Namun, secara keseluruhannya dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mengetahui kepentingan pelaksanaan *Community Policing* yang memberi kesan positif dalam mengekalkan hubungan antara pihak polis dan masyarakat. Pelaksanaan *Community Policing* yang berkesan juga akan mengubah

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

persepsi yang baik daripada masyarakat terhadap pihak polis, dapat mengurangkan kadar jenayah serta mengurangkan perasaan takut ketika berhadapan dengan kejadian jenayah.

5.4. Permasalahan dalam Pelaksanaan *Community Policing*

Dapatan kajian dalam penilaian konteks menunjukkan bahawa warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mengetahui permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan *Community Policing* apabila berada pada tahap tinggi (min=3.96, sp=0.74). Komunikasi yang kurang jelas dalam penyaluran maklumat dan penyampaian arahan merupakan permasalahan yang utama. Justeru itu, warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mengakui bahawa komunikasi yang baik sama ada sesama PKP dan PRP sangat diperlukan agar *Community Policing* dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perkara ini sejajar dengan Garis Panduan Pelaksanaan *Community Policing* PDRM, Arahan KPN, Bil 70. Rujukan KPN 35/90, bahagian Pemilihan Pegawai/Anggota *Community Policing* para 2 iaitu "Berkebolehan berkomunikasi dengan baik dan bersopan santun."

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Yardley (2013) yang dilakukan di beberapa buah bandar di Amerika Syarikat antaranya ialah Louisville, Tempe dan Madison. Data dikumpul terdiri daripada kumpulan PKP sahaja. Yardley (2013) mendapati bahawa komunikasi yang berkesan adalah elemen penting dalam pelaksanaan *Community Policing*. Perkara ini perlu diterapkan bermula daripada pasukan/jabatan terlebih dahulu untuk mendapatkan sokongan daripada pegawai dan anggota bawahan sebelum melibatkan kerjasama dengan masyarakat. Yardley (2013) juga menyarankan agar pihak polis memahami *Communication Accommodation Theory* (CAT) yang diperkenalkan oleh Howard Giles pada tahun 1970-an untuk meningkatkan tahap penguasaan berkomunikasi dengan lebih berkesan (Yardley, 2013). Dapatan kajian ini juga menyokong kajian Womack dan Finley (1986) mendapati bahawa komunikasi yang berkesan antara pihak polis dan masyarakat adalah penting dan memerlukan latihan serta pendidikan yang berterusan (Womack & Finley, 1986).

Justeru itu, warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mengakui bahawa komunikasi yang baik sama ada sesama PKP dan PRP sangat diperlukan agar *Community Policing* dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perkara ini sejajar dengan Garis Panduan Pelaksanaan *Community Policing* PDRM, Arahan KPN, Bil 70. Rujukan KPN 35/90, bahagian Pemilihan Pegawai/Anggota *Community Policing* para 2 iaitu "Berkebolehan berkomunikasi dengan baik dan bersopan santun."

Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga mendapati bahawa seramai 142 orang (29.2%) dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mengatakan tidak setuju bahawa PKP dan PRP tidak boleh membuat sebarang keputusan yang boleh mengubah sesuatu dasar mengenai pelaksanaan *Community Policing* oleh pucuk pimpinan PDRM. Pengkaji berpendapat bahawa PKP dan PRP mengambil pendekatan dalam setiap pelaksanaan *Community Policing* perlu dilakukan penambahbaikan mengikut kepada situasi semasa. Arahan KPN Bil. 70 yang digunakan sebagai panduan sejak tahun 2008 perlu diperbaharui dan ditambah nilai serta setiap idea dan pandangan PKP dan PRP wajar diambil kira untuk kebaikan PDRM. Selain itu, permasalahan yang akan dihadapi oleh warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur dalam penilaian konteks adalah "*Community Policing* tidak mencapai matlamat sebenar jika kurang mendapat sambutan dan kerjasama daripada masyarakat dan *Community Policing* tidak berkesan jika sumber kewangan dan peralatan yang digunakan adalah terhad dan tidak mencukupi."

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur memahami dengan jelas konsep dan objektif pelaksanaan *Community Policing* sama ada di peringkat balai, daerah atau kontinjen dengan mencatatkan tahap yang tinggi (min=3.99, sp=0.69). Pemahaman konsep ini meletakkan daya pemikiran warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur di tahap yang baik kerana mereka mengetahui objektif program, kepentingan dan permasalahan yang akan dihadapi dalam pelaksanaan *Community Policing* yang memberi kesan kepada budaya kerja mereka. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati bahawa penilaian konteks dalam Model Penilaian Stufflebeam/KIPP boleh dijadikan sebagai ukuran dalam memastikan pelaksanaan *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur berjaya dilaksanakan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua responden dan pelbagai pihak dalam memberikan maklum balas dan penyediaan maklumat bagi menyempurnakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan jurnal ini tidak melibatkan tajaan dan bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Asmawati Ahmad. (2015). Hari Polis ke 208 Tahun: Polis dan masyarakat berpisah tiada, *Berita Bukit Aman, Bil. 1/2015*, ms 4.

Bonner, H. S. (2015). Police officer decision-making in dispute encounters: Digging deeper into the 'Black Box.' *American Journal of Criminal Justice, 40,* 493-522. https://doi.org/10.1007/s12103-014-9274-2.

Cheurprakobkit, S. (2002). Community policing: Training, definitions and policy implications. Policing: *An International Journal of Police Strategies & Management, 25*(4), 709-725

Crowe, T.D. (2000). *Crime prevention through environmental design* (2nd ed.). National Crime Prevention Institute.

DeNita, R.S.S. (2017). *Police and citizens' perceptions of community policing in Richmond, Virginia.* Walden University.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Eldefonso, E. (1983). *Law enforcement and the youthful offender: Delinquency and juvenile justice* (4th ed.). John Wiley & Sons Inc.

Friedmann, R.R. (1992). *Community policing: comparative perspectives and prospects.* New York, NY: St. Martin's Press.

Greene, J. R. (2000). *Community policing in America: Changing the nature, structure, and function of the police*. Washington, D. C.: Criminal Justice, National Institute of Justice.

Isaac, S., & Michael, W. B. (1995). *Handbook in research and evaluation.* San Diego, CA: Educational and Industrial Testing Services.

Lab, S. P. (2007). *Crime prevention: Approaches, practices and evaluations* (6th ed.). Anderson.

Melissa, M. (2010). Understanding community policing as an innovation: Patterns of adoption. *Crime & Delinquency, 56*(4), 564-587. doi: 10.1177/0011128707311643

Merrit, J., & Dingwall, G. (2010). Does plural suit rural? Reflections on quasi-policing in the countryside*. International Journal of Police Science & Management, 12*(3) 388-400.

Portal Rasmi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. (2022). Eaic.gov. http://www.eaic. gov.my/

Skolnick, J.H, & Bayley, D.H. (1988). *Community Policing: Issues and practices around the world.* National Institute of Justice (U.S.)., Abt Associates.

Statistik Jenayah Indeks Malaysia (2022). Bahagian D4 (Risikan/Operasi/Rekod Jenayah), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

Stufflebeam, D. L. (1971). The relevance of the CIPP Evaluation Model for educational accountability. *Journal of Research and Development in Education, 5*, 19-25.

Swanson, C.R., Territo, L. & Taylor R.W. (2005). *Police administration. structure, processe and behaviour*. New Jersey: Prentice Hall, International, Inc.

Turner, M. (2015). *Management processes required for successful community policing.* Colorado Technical University.

Wan Nurul Wahidah Wan Lanang., & Muhamad Sayuti Hassan. (2021). Program pencegahan jenayah di negeri Perak melalui peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan masyarakat. *Jurnal Perspektif, 13*(1), 85-101.

Womack, M.M & Finley, H.H. (1986). *Communication: A unique significance for law enforcement*. C.C. Thomas.

Yardley, A. M. (2013). *Community policing and communication: An organization specific approach for police managers* (Doctoral Dissertation).

Yumin, R.W. (2006). Does community policing motivate officers at work and how? *International Journal of Police Science and Management, 8*(1), 67-77.

Zaiton Azman. (2016). *Pendekatan ruang boleh dipertahankan dalam Program Pengawasan Komuniti untuk kanak-kanak tidak terkawal di Projek Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur.* Universiti Malaya.

Zulkifli Awang. (2012). *Strategi pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang berkesan*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).